

21/05/1998

Permohonan permit kerja meningkat

Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR, Rabu - Permohonan mendapatkan permit untuk membawa masuk pekerja asing semakin meningkat membabitkan semua sektor kecuali binaan, walaupun ketika kegawatan ekonomi sekarang.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Tajol Rosli Ghazali, berkata kebanyakan pemohon adalah dari sektor perkilangan, perladangan dan perkhidmatan, termasuk pembantu di pam minyak, pelayan di restoran makanan segera, pencuci bangunan, pengutip sampah dan pekerja di kelab golf.

"Ada yang mendakwa kita kekurangan 500,000 pekerja. Majikan yang hendak pekerja asing memang ramai. Kalau pergi ke pejabat saya dan saya atur fail itu ia lebih tinggi daripada saya," katanya kepada pemberita di lobi bangunan Parlimen, hari ini.

Bagaimanapun, katanya, Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan memastikan permit hanya diberi kepada kes yang benar-benar mengikut kehendak negara iaitu sektor perkilangan dan perladangan.

"Kerajaan tidak mahu majikan mengambil pekerja asing semata-mata gaji mereka murah. Jika berlaku, ini akan menafikan rakyat tempatan mendapat kerja. Kalau diikutkan, steno atau wartawan pun dari kalangan rakyat asing. Tetapi akhirnya, rakyat kita nak jadi apa?"

"Kerajaan akan menyekat kecenderungan majikan yang mahu pekerja asing semata-mata soal gaji mereka murah, supaya tidak menjadi kenyataan. Kita tidak mahu pekerja tempatan diberhentikan tetapi mereka mengambil pekerja asing," katanya.

Selain itu, majikan berminat mengambil pekerja asing kerana mereka mudah dikawal dan sanggup bekerja pada bila-bila masa. Ini berbeza dengan pekerja tempatan yang kerap mengambil cuti dan kurang berdisiplin walaupun daripada segi produktiviti mereka baik.

Tajol berkata, kementerian tidak boleh menyekat kemasukan pekerja asing dalam sektor yang sangat memerlukan sehingga ia menjejaskan kegiatan ekonomi dalam negara.

Menurutnya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mahu supaya kakitangan yang berhubung dengan pelanggan adalah kalangan rakyat tempatan seperti yang dilakukan di Jepun.

"Walaupun perkara ini bukan suatu ketetapan, kerajaan meminta kakitangan di barisan hadapan mesti di kalangan rakyat tempatan," katanya.

Ditanya mengenai kemasukan pendatang asing, Tajol berkata jumlahnya semakin berkurangan sejak kebelakangan ini. Berbanding waktu kemuncak beberapa minggu lalu yang mencatatkan kemasukan lebih 5,000 pendatang tanpa izin seminggu, kini jumlahnya antara 100 dan 200 orang seminggu.

Beliau berkata, penurunan jumlah kemasukan pendatang asing itu berkait rapat dengan tindakan kerajaan membanteras agen dan tekong darat di negara ini yang bertanggungjawab membawa mereka masuk.

Mereka adalah kalangan penduduk tempatan, warga asing yang mendapat taraf penduduk tetap atau pendatang asing sendiri. Mereka dikenakan tindakan mengikut Akta Imigresen termasuk di penjara, dibuang daerah, disebat atau tindakan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Katanya, kerajaan akan meneruskan penghantaran pulang pendatang tanpa izin ke negara asal. Ini termasuk penghantaran pulang lebih 1,075 warga negara Indonesia kira-kira dua minggu lalu.

"Semua kerajaan negara yang terbabit dengan penghantaran pulang rakyatnya faham dengan kedudukan negara kita. Kita juga sudah memaklumkan pihak Kedutaan Indonesia bahawa jika negara ini memerlukan pekerja,

keutamaan akan diberi kepada rakyat republik itu dan Thailand," katanya.

Menurutnya, Menteri Sumber Manusia Indonesia, Theo L Sambuaga, dijadual melawat Malaysia akhir Jun depan.

"Saya juga kemungkinan berjumpa dan berbincang dengan beliau berhubung isu bersama," katanya.

(END)